



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
18 Mac 2020**

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di negara ini.
2. Pada hari ini, 18 Mac 2020, **12** kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 68 orang.**
 - Kes 57, berumur 53 tahun adalah seorang warga Bangladesh yang berkerja di sektor swasta di Negara Brunei Darussalam dan yang telah menghadiri perkumpulan tabligh di negara ini pada 5 Mac 2020. Beliau mula mengalami demam panas pada 12 Mac 2020.
 - Kes 58, berumur 42 tahun ialah isteri kepada Kes 57. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami sengal badan pada 16 Mac 2020.
 - Kes 59, berumur 13 tahun ialah anak kepada Kes 57. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami demam panas pada 13 Mac 2020.

- Kes 60, berumur 13 tahun ialah anak kepada Kes 57 dan saudara kembar kepada Kes 59. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami demam panas pada 13 Mac 2020.
- Kes 61, berumur 12 tahun ialah anak kepada Kes 57. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami demam panas pada 14 Mac 2020.
- Kes 62, berumur 3 tahun ialah anak kepada Kes 53, seorang warga British yang telah berada di negara ini sejak bulan Januari 2020. Beliau telah mula mengalami selsema pada 13 Mac 2020.
- Kes 63, berumur 62 tahun ialah rakan kerja kepada Kes 43. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah bertemu dengan Kes 43 pada 9 Mac 2020. Beliau mula merasa demam panas dan mengalami selsema pada 14 Mac 2020.
- Kes 64, berumur 49 tahun ialah rakan kerja kepada Kes 42. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula batuk dan selsema pada 11 Mac 2020.
- Kes 65, berumur 29 tahun ialah anak kepada Kes 47. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah bertemu dengan ayahnya pada 10 Mac 2020.

- Kes 66, berumur 7 tahun ialah kontek kepada Kes 42. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 67, berumur 20 tahun ialah rakan rapat kepada Kes 48. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 68, berumur 12 tahun ialah kontek kepada Kes 52. Penyiasatan kontek menunjukkan kes ini adalah kes pertama dalam generasi ketiga kluster tabligh. Ini bermakna terdapat penularan terhadap jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam namun tidak ada bukti yang menunjukkan penularan adalah berleluasa.
3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua kes-kes yang telah disahkan sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Pada masa ini, dua orang dalam keadaan kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan. Sementara itu, dua kes lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya di dalam keadaan baik dan stabil.

4. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes di mana setakat ini, seramai 1,373 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Dalam pada itu, setakat ini jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin di Perkampungan Sukan atau di rumah masing-masing ialah seramai 48 orang dan adalah di dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 1,926 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.

5. Dengan terdapatnya beberapa arahan-arahan pentadbiran yang telah dikeluarkan sejak kes pertama COVID-19 dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin memohon kerjasama orang ramai khususnya majikan-majikan di sektor swasta untuk mempermudah langkah-langkah pengawalan COVID-19 terutamanya mengenai arahan pengasingan diri atau kurantin yang diberikan kepada kakitangan masing-masing. Pertimbangan para majikan adalah sangat diperlukan khusus untuk tidak mengambil tempoh pengasingan diri atau kurantin dari jumlah cuti tahunan yang layak bagi kakitangan berkenaan atau memaksa kakitangan mendapatkan surat cuti sakit dari doktor. Notis Pengasingan Diri atau Perintah Kurantin yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan adalah pengesahan rasmi mengenai arahan-arahan yang telah diberikan. Sokongan majikan-majikan adalah sangat-sangat diharapkan dalam usaha Kerajaan dan negara membendung penularan wabak ini.

6. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian langkah-langkah pengawalan COVID-19 di mana Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan hendaklah melaksanakan *Business Continuity Plan* masing-masing, sebagaimana yang digariskan dalam surat keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020 bertarikh 16 Mac 2020.

7. Untuk makluman orang ramai jua, satu platform elektronik menggunakan aplikasi mudah alih (*messaging application*) *Telegram* bagi mengongsikan mesej dan nasihat Kementerian Kesihatan mengenai COVID-19 telah diusahakan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC). Aplikasi mudah alih boleh digunakan mulai hari ini, 18 Mac 2020 menerusi channel *Telegram GOV.BN* Rasmi Kerajaan melalui pautan yang tertera di dalam kenyataan media yang akan dikongsikan:


<https://t.me/govbnoofficial>

8. Sementara itu, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah berkerjasama dengan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi penghantaran mesej pesanan ringkas (iaitu Push SMS) akan dikeluarkan kepada semua pengguna-pengguna telefon bimbit mengenai nasihat-nasihat COVID-19, juga bermula pada hari ini, 18 Mac 2020.

9. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang-orang yang menjalani kurantin atau pengasingan diri untuk mematuhi arahan-arahan yang telah diberikan. Mereka ini tidak dibenarkan meninggalkan rumah atau tempat kurantin atau tempat pengasingan diri di sepanjang tempoh yang telah diarahkan. Di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, kegagalan mematuhi arahan-arahan berkenaan, jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga \$10,000 atau penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 23 Rejab 1441H / 18 Mac 2020M



Adapted from CDC / The Economist